

**#QURANHOUR TADABBUR SURAH AL INSAN DAN  
ULASAN KITAB TAFSIR AL-QURAN ABRU AL ATHIR  
18 APRIL 2023**

Disediakan oleh: Asmah Sabtu



*Kembali kepada hakikat kejadian manusia. Itulah yang boleh digambarkan apabila menghadiri program #QuranHour pada 18 April 2023.*

*Sebaik sahaja hadirin selesai membaca sepuluh ayat awal Surah Al-Insan, Ustaz Haji Md. Idris Abdullah memulakan syarahannya dengan gaya yang agak santai namun mengesankan.*

*Beliau menyebut, setelah manusia dan jin diciptakan, maka Allah timpakan ujian demi menguji tahap ketaatan iman masing-masing sewaktu hidup di dunia. Sekiranya manusia beriman, maka akan menerima balasan syurga namun jika sebaliknya, sesungguhnya azab Allah amatlah pedih.*

*Seperti surah-surah lain yang terkandung dalam Al-Quran, dalam surah ini turut dinyatakan akan kebesaran dan kekuasaan Allah SWT yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.*

*Program #QuranHour ini adalah inisiatif Read@UiTM, PTAR dan telah dihoskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tazkirah PTAR Encik Asraf Zamani bin Hazim.*

